

## BAB 3

# HUTANG, JUAL BELI, KEUNTUNGAN DAN RIBA DALAM ISLAM

### 3.1. PENDAHULUAN

Melalui penulisan ini perlu dijelaskan perbandingan di antara hutang, jual beli, keuntungan dan riba. Kekaburuan kefahaman terhadap istilah-istilah tersebut telah menyebabkan kekeliruan mengenai jualan harga tangguh atau BBA ini. Ini kerana kesemua istilah ini mempunyai dan membawa konsep yang berlainan di antara satu sama lain.

### 3.2. KONSEP

#### 3.2.1. Hutang

Hutang di bahasa Arab dikenali sebagai *al-dayn*. Perkataan *al-dayn* ini disebut di dalam al-Quran seperti mana firman Allah S.W.T.:

يَتَأْكُلُهَا الَّذِينَ عَامَنُوا إِذَا تَدَآيَنُتُم بِدَيْنِ إِلَيْهِ أَجَلٍ مُسَمًّا فَاقْتُبُوْهُ

Maksudnya:

*Apabila kamu berhutang dengan sesuatu hutang hingga ke suatu masa yang ditetapkan hendaklah kamu menulisnya.*  
(al-Baqarah 2:282)

Hutang juga dikenali sebagai pinjaman atau *al-qard* kerana suatu pinjaman akan menghasilkan hutang di mana seseorang perlu membayar atau memulangkan kembali setiap barang yang dipinjamnya. *al-Qard* dari segi bahasa membawa maksud *al-qaf'* iaitu potongan. Dalam hal ini pinjaman itu merupakan potongan ke atas harta pembiutang yang diberikan kepada penghutang bagi menolong menyelesaikan masalah kewangan atau keperluannya sebagai suatu amalan yang baik semata-mata kerana Allah S.W.T.<sup>1</sup>

Dari segi istilah pula hutang ditakrifkan sebagai suatu akad yang memindahkan milik daripada tuan punya hutang kepada pihak yang berhutang ke atas sejumlah wang atau barang yang mempunyai persamaan. Pihak yang berhutang kemudiannya wajib membayar balik jumlah wang atau barang yang dipinjam sama dengan jumlah yang diterimanya daripada pihak pembiutang.<sup>2</sup>

Dalam Islam hutang merupakan sesuatu yang diharuskan. Allah S.W.T. sendiri telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu diikuti apabila seseorang itu menjalankan muamalat hutang.<sup>3</sup> Kaedah ini termasuklah menulis dan menyediakan saksi-saksi bagi mengelakkan suatu kemungkinan dikemudian hari. Begitu juga terdapat beberapa lagi ayat al-Quran yang menyentuh tentang hutang ini seperti dalam surah al-Baqarah ayat 282, al-Mâidah ayat 12, al-Hâdi ayat 11 dan 18, al-Taghâbun ayat 17 dan al-Muzzammil ayat 20.

Dalam hadis Rasulullah S.A.W. diriwayatkan oleh Muslim dari Abû Hurairah, Rasulullah S.A.W. bersabda maksudnya “Barangsiaapa yang memudahkan orang yang

sedang kesusahan maka Allah akan memudahkan (segala sesuatu) baginya di dunia dan akhirat".<sup>4</sup> Begitu juga diriwayat dari Abū Hurairah Rasulullah S.A.W. bersabda dengan maksudnya "Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah menyebut ada seorang lelaki telah meminta kepada seorang Bani Isrā'il supaya memberikannya pinjaman seribu dinar. Maka diberikan kepadanya untuk tempoh yang telah ditentukan. Berkata 'Umar tentang kedua-dua mereka bahawa pemberian (pinjaman) itu apabila ia menangguhkannya pada *al-qard* (hukumnya) harus".<sup>5</sup>

Daripada dalil di atas bolehlah disimpulkan bahawa hutang itu merupakan salah satu konsep tolong menolong sesama muslim. Malahan Islam memandang mulia seseorang yang memberi hutang tidak menuntut kembali hutang yang telah diberikannya sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah ayat 280 yang bermaksud "Dan jika (orang yang berhutang itu) sedang mengalami kesempitan hidup maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya. Sebaliknya jika kamu menyedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya) yang besar yang kamu akan dapati kelak".

### 3.2.2. Jual beli

Sepertimana diterangkan dalam bab 2, jual beli di dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-bay'*. *al-Bay'* merupakan kata *jama'* daripada *al-buyū'* yang dari segi bahasa membawa maksud pertukaran sesuatu barang dengan barang yang lain.<sup>6</sup> Pertukaran yang terjadi ini samada dari sudut pertukaran satu barang dengan barang yang lain secara barter atau pertukaran barang dengan wang.<sup>7</sup>

Dari segi Syarak pula ulama mazhab Mālikī mentakrifkan jual beli merupakan suatu akad yang mengandungi pertukaran barang di antara kedua-dua belah pihak yang melakukan akad.<sup>8</sup> Bagi mazhab Ḥanbalī pula jual beli merupakan pertukaran barang dengan barang yang lain secara pertukaran hak milik.<sup>9</sup> Manakala fuqaha daripada mazhab Syāfi‘ī mengatakan jual beli ialah pertukaran barang dengan barang yang lain mengikut cara-cara tertentu.<sup>10</sup> Berdasarkan takrif ini bolehlah disimpulkan bahawa jual beli itu merupakan suatu akad yang memindahkan hak pemilikan dari seorang kepada seseorang yang lain yang dilakukan dengan akad dan syarat-syarat tertentu.

Dari segi hukum jual beli merupakan suatu akad muamalah yang diharuskan oleh Syarak. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang mengharuskan jual beli seperti dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud “Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”. Begitu juga dalam surah al-Nisā ayat 29 dan surah al-Baqarah ayat 198. Kesemua ayat ini menunjukkan Allah S.W.T. mengharuskan urusniaga jual beli yang tidak mempunyai unsur-unsur riba, penipuan dan penindasan.

Dalam hadis Nabi S.A.W. juga terdapat galakan terhadap kegiatan jual beli ini seperti hadis Rasulullah S.A.W. yang menyatakan bahawa sembilan puluh peratus daripada rezeki itu datangnya daripada perniagaan.<sup>11</sup> Begitu juga terdapat hadis yang Rasulullah S.A.W. yang bermaksud “Sekiranya salah seorang daripada kamu mengambil tali kemudian pergi ke sebuah bukit mencari kayu api, lalu ia menjualnya maka digunakan pendapatan tersebut untuk dimakan dan bersedekah, maka ia lebih

baik baginya daripada meminta-minta".<sup>12</sup> Berdasarkan hadith ini Rasulullah menggalakkan umatnya berusaha sendiri tanpa meminta-minta. Salah satu daripada usaha tersebut datangnya dari jalan perniagaan.

### 3.2.3. Keuntungan

Dari segi bahasa keuntungan mempunyai makna yang lebih kurang sama dengan riba iaitu lebihan atau tambahan ke atas sesuatu.<sup>13</sup> Menurut Kamus Dewan keuntungan ditakrifkan sebagai hasil pendapatan daripada sesuatu kegiatan perusahaan, perniagaan dan lain-lain yang melebihi modal dan segala perbelanjaan yang berkaitan.<sup>14</sup> Manakala dari segi istilah pula keuntungan bolehlah diertikan sebagai tambahan ke atas modal yang diperolehi dalam sesuatu perniagaan.<sup>15</sup>

Dalam istilah ekonomi, keuntungan ditakrifkan sebagai baki yang diperolehi oleh pengeluar setelah ia menyelesaikan segala kos perbelanjaan bagi perniagaannya.<sup>16</sup> Manakala dalam ekonomi Islam, keuntungan merupakan pertambahan hasil jual beli atau hasil yang berlainan bagi setiap kerja yang dilakukan. Keuntungan ini ada kalanya dinisbahkan kepada pemilik barang atau dinisbahkan kepada barang itu sendiri.<sup>17</sup> Al-Quran telah menggunakan istilah ini melalui firman-Nya:

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَشْتَرُوا الصَّلَاةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبَحْتَ تَجْرِيْهُمْ  
وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ

Maksudnya:

*"Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk".*

(Surah al-Baqarah 2: 16)

Al-Tabārī ketika mengulas ayat di atas menyatakan bahawa seseorang peniaga akan memperolehi keuntungan sekiranya dia melakukan aktiviti pertukaran komoditi yang dimilikinya dengan komoditi yang berharga. Sebaliknya jika ia menukarkan komoditi yang dimilikinya dengan komoditi yang lebih murah harganya maka peniaga tersebut akan mengalami kerugian.<sup>18</sup>

Berdasarkan takrif ini bolehlah disimpulkan bahawa keuntungan akan diperolehi apabila sesuatu barang itu dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada kos belian atau pengeluarannya.<sup>19</sup> Keuntungan merupakan pulangan kepada pengusaha. Dalam konteks harga, keuntungan itu merupakan lebihan harga terhadap barang atas kos. Mengikut kaedah ekonomi keuntungan itu dikira seperti berikut:

$$\text{Kos pengeluaran} + \text{Keuntungan} = \text{Kos jualan}$$

Keuntungan merupakan sesuatu yang diharuskan oleh Islam. Di dalam surah al-Baqarah ayat 16 di atas, walaupun Allah S.W.T. tidak menyebut secara khusus tentang keharusan pengambilan untung, namun berdasarkan ayat tersebut dapat difahami bahawa Islam mengharuskan keuntungan dalam perniagaan sehingga dijadikan oleh Allah S.W.T. sebagai suatu perbandingan di dalam firman-Nya.

Selain al-Quran, terdapat juga hadis yang mengharuskan keuntungan seperti hadis yang bermaksud “Sekiranya salah seorang daripada kamu mengambil tali kemudian pergi ke sebuah bukit mencari kayu api, lalu ia menjualnya maka digunakan pendapatan tersebut untuk dimakan dan bersedekah, maka ia lebih baik baginya daripada meminta-minta”<sup>20</sup> Daripada hadis ini dapat difahami bahawa apabila seseorang itu bermiaga maka sudah tentu ia akan memperolehi keuntungan yang boleh digunakan untuk diri dan keluarganya atau disedekahkan. Sekiranya keuntungan tidak dibolehkan sudah tentu Rasulullah S.A.W. tidak akan menyuruh seseorang itu bermiaga. Selain itu diriwayatkan oleh al-Bazzār yang bermaksud:

*Nabi S.A.W. ditanya tentang apakah kerja yang paling baik. Nabi S.A.W. bersabda: “Kerja seseorang yang dilakukan dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang mabrur”.*<sup>21</sup>

Pengambilan jumlah untung yang berlebihan merupakan hak penjual. Penjual berhak meletakkan kadar keuntungan yang dimahukan. Walau bagaimanapun dalam muamalah Islam pengambilan kadar keuntungan haruslah didasarkan kepada etika dan perundangan iaitu diambil dengan kadar yang berpatutan dan tidak termasuk dalam riba.<sup>22</sup> Persoalannya bagaimanakah untuk mewujudkan bentuk keuntungan yang adil dalam perniagaan yang halal. Menurut Imam Abū Ḥanīfah keuntungan bagi sesebuah perniagaan boleh diperolehi tetapi dengan syarat dan kadar yang diambil tidak melebihi kadar dalam pasaran.<sup>23</sup>

Bagi mewujudkan bentuk keuntungan yang adil perlulah merujuk kepada kaedah-kaedah yang telah ditentukan oleh Syarak seperti setiap kemudaratan haruslah

dihapuskan dan adat kebiasaan itu boleh digunakan sebagai hukum selagi tidak bertentangan dengan prinsip Syarak. Melalui kaedah-kaedah ini sekiranya keuntungan diletakkan terlalu tinggi ia akan meninggikan harga jualan barang. Keadaan ini sudah tentu memudaratkan para pembeli yang memerlukan barang tersebut.

Memang tidak dapat dinafikan, Islam mengiktiraf pengambilan untung melalui jual beli. Dalam mencari keuntungan tersebut Syarak tidak pula menentukan kadar keuntungan yang boleh diambil. Justeru itu adat kebiasaan setempat boleh diambil kira dalam menetapkan kadar keuntungan ini. Walau bagaimanapun Islam hanya mengiktiraf keuntungan yang diperolehi tanpa membebankan mana-mana individu serta tidak melakukan penipuan.

Muamalah Islam amat menitikberatkan hasil yang diperolehi dalam sesuatu urusniaga. Ini bermakna setiap hasil yang diperolehi itu hendaklah selaras dengan Syarak seperti bagaimana memperolehi, mengguna dan menguruskannya. Ini bermakna keuntungan dalam Islam hanyalah merupakan perantaraan untuk mencapai kepada matlamat akhir iaitu keredhaan Allah S.W.T. Keadaan ini jauh sekali berlawanan dengan sistem ekonomi konvensional yang hanya memikirkan untuk memperolehi keuntungan yang maksimum tanpa memikirkan bagaimana cara keuntungan itu diperolehi.<sup>24</sup>

### 3.2.4. Riba

Dari segi bahasa, riba membawa maksud pertambahan, lebihan<sup>25</sup>, pembesaran<sup>26</sup> atau berkembang<sup>27</sup>. Dari segi istilah, riba membawa maksud sebagai pinjaman wang apabila dibayar kembali mempunyai ciri seperti berikut:

- (1) Tambahan atau lebihan daripada jumlah yang dipinjam.
- (2) Penentuan lebihan ini berkait dengan tempoh tertentu.
- (3) Ditetapkan terlebih dahulu kadar pertambahan itu berdasarkan kepada tempoh pinjaman.<sup>28</sup>

Riba terbahagi kepada empat jenis iaitu riba *al-fadl*, riba *al-nasi'ah*, riba *al-qard* dan riba *al-yad*. Namun begitu sebahagian besar ulama-ulama fiqh hanya membahagikan riba itu kepada dua riba *al-fadl* dan riba *al-nasi'ah*. Oleh kerana perbincangan ini menumpukan kepada BBA, maka jenis riba yang mempunyai kaitan dengan akad ini ialah riba *al-nasi'ah*. Riba *al-nasi'ah* merupakan lebihan atau tambahan bayaran yang dikenakan di dalam pertukaran atau jual beli barang atas sebab-sebab penangguhan masa.<sup>29</sup>

Allah S.W.T. dan Rasulullah S.A.W. mengharamkan riba kerana lebih banyak mendatangkan keburukan dalam masyarakat. Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat al-Quran yang mengharamkan riba serta ancaman kepada yang memakannya.<sup>30</sup> Begitu juga Rasulullah S.A.W. turut melarang perbuatan memakan riba sehingga digolongkan orang yang dilaknat sepertimana sabda Baginda yang bermaksud:

*Daripada Jabir r.a. katanya, Rasulullah S.A.W. telah melaknat orang yang memakan riba, orang yang menjadi ejennya, orang yang menjadi tukang tulisnya dan orang yang menjadi saksinya, kata Baginda lagi, mereka itu semuanya sama sahaja (dilaknat).<sup>31</sup>*

Menurut Ibn ‘Abbās bahawa Usāmah bin Zaid melaporkan bahawa Nabi S.A.W. telah bersabda dengan maksudnya “Sesungguhnya riba itu berlaku pada yang bertangguh”.<sup>32</sup> al-Māwdūī menegaskan pada zaman Rasulullah S.A.W. Bani al-Mughirah di Mekah merupakan kaum yang kuat memakan riba. Rasulullah S.A.W. bertindak menghapuskan semua bentuk amalan riba yang sedang berlaku di kalangan mereka sesuai dengan perintah Allah S.W.T. kepada Baginda yang mengharamkan riba.<sup>33</sup>

### **3.3. HUTANG DAN JUAL BELI**

BBA beroperasi dalam bentuk jual beli atau perniagaan dan bukan berbentuk pinjaman atau hutang. Oleh itu setiap jualan walaupun melebihi harga modal untuk memperolehi keuntungan adalah diharuskan kerana ia merupakan jual beli.

BBA ini beroperasi dalam bentuk jual beli atau perniagaan berbentuk pinjaman atau hutang. Islam telah menggariskan beberapa kaedah tentang hutang, sebagaimana yang terdapat di dalam surah al-Baqarah ayat 282-283.

Berdasarkan ayat ini Allah S.W.T. telah menggariskan beberapa syarat-syarat hutang yang perlu dipatuhi seperti ditulis, ketentuan dari segi jangka waktu dan

jumlahnya, hendaklah disebut hutang tersebut dengan jelas, melantik wali bagi pihak yang berhutang sekiranya orang bodoh, lemah dan tidak berkeupayaan, mendatangkan dua saksi samada dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan.

Oleh kerana pemberian hutang ini hanya bersifat tolong menolong, maka Islam mengharamkan pemutang mengenakan bayaran tambahan kepada penghutang berbanding pinjaman asal yang telah diberikannya. Perbuatan ini sekiranya dilakukan akan dianggap sebagai satu penindasan terhadap orang yang dalam kesusahan dan diharamkan oleh Allah S.W.T. Bagi Islam segala manfaat yang ada pada hutang akan kembali secara mutlak kepada peminjam sahaja. Pemutang tidak akan mendapat apa-apa manfaat daripada harta yang dipinjamkannya.<sup>34</sup> Walau bagaimanapun sekiranya peminjam ingin membayar lebih sebagai hadiah kerana kesudian pemutang memberikan pinjaman kepadanya sewaktu dalam kesusahan maka ia dibolehkan malahan sangat digalakkan. Ini berdasarkan hadith yang bermaksud:

*Dari Jābir r.a. ia berkata: aku pernah datang ke tempat Nabi S.A.W., sedang Nabi S.A.W. ada berhutang kepadaku, kemudian baginda membayarnya kepadaku dan menambahkan bayarannya itu.<sup>35</sup>*

Diriwayatkan pula dari Abū Hurairah:

*"Rasulullah S.A.W. telah meminjam seekor binatang dan membayarnya dengan seekor yang lebih baik dan mahal sambil berkata "sebaik-baik kamu ialah orang yang membayar hutangnya dengan sebaik-baiknya".<sup>36</sup>*

Berdasarkan hadith ini bolehlah difahami bahawa penambahan bayaran dibolehkan bagi orang yang berhutang dengan syarat ia hendaklah tidak ditetapkan oleh orang yang memberi pinjam. Sekiranya ia disyaratkan, bayaran tersebut akan menjadi riba kerana inginkan keuntungan. Manakala dalam jual beli pula, ia merupakan pertukaran barang antara barang atau barang dengan wang bagi tujuan mendapatkan keuntungan.

Selain itu dalam akad jual beli transaksi yang wujud melibatkan pertukaran kemaslahatan antara penjual dan pembeli. Ini berbeza dengan riba di mana kemaslahatan hanya terletak pada sebelah pihak. Dalam hal ini jual beli akan dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak di mana penjual akan mendapat keuntungan, manakala pembeli mendapat manfaat atas barang yang dibeli. Berbeza dengan riba akad ini tidak melibatkan sebarang penjualan, malahan pembeli akan menanggung beban hutang, manakala pemutang mendapat keuntungan yang terjamin dan tetap dalam tempoh tersebut.<sup>37</sup>

Dengan ini setiap tambahan dalam akad jual beli dibenarkan oleh Syarak. Manakala pengenaan syarat dalam akad hutang adalah riba dan diharamkan oleh Allah S.W.T. Pengharaman ini disebabkan setiap yang memberi hutang tidak menggunakan modal. Sebaliknya dalam perniagaan banyak modal digunakan termasuklah tenaga, upah pekerja, pengurusan dan sebagainya. Oleh itu Islam menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

### 3.4. PERBEZAAN ANTARA RIBA DAN KEUNTUNGAN

Allah S.W.T menghalalkan keuntungan yang diperolehi daripada jual beli dan mengharamkan riba. Pada zaman Jahiliyah dahulu orang-orang Musyrik menganggap keuntungan dan riba itu adalah sama. Begitu juga kekeliruan di kalangan orang ramai yang menganggap bahawa pembahagian/penawaran keuntungan yang diperolehi daripada jual beli adalah sama dengan pemberian/pengambilan faedah dalam perniagaan riba.<sup>38</sup> Dakwaan ini sudah tentu bersalahan sepertimana firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَوْا لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَقُولُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَنُ  
مِنَ الْمُقْسِدَاتِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَوْ وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ  
وَحَرَمَ الرِّبَوْ فَمَنْ جَاءَهُ دُوْعَةٌ مِّنْ رَّبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ  
إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya:

"Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu adalah disebabkan mereka berpendapat, sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba"

(al-Baqarah 2:275)

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan antara riba dan jual beli. Wang yang dilaburkan dalam jual beli akan menghasilkan keuntungan yang halal. Akan tetapi jika wang yang dipinjamkan kepada seseorang

dan kemudiannya disyaratkan penambahan (riba) dalam pembayarannya, maka ia adalah dilarang.

Menurut al-Māwdūī, riba ialah tambahan atau lebihan daripada jumlah yang dipinjam dan kedua-duanya telah ditetapkan dahulu kadar pertambahan tersebut berdasarkan tempoh pinjaman.<sup>39</sup>

Menurut beliau lagi jual beli berlawanan dengan riba iaitu ia merupakan pertukaran barang di antara seseorang dengan seseorang yang lain dengan barang atau wang atas persetujuan kedua-dua belah pihak. Dengan kata lain tidak berlaku jual beli jika tidak wujud perhubungan redha-meredhai di antara mereka.<sup>40</sup> Al-Māwdūī telah menggariskan empat keadaan yang membezakan di antara riba dan keuntungan di dalam jual beli iaitu:<sup>41</sup>

- (1) Pertambahan yang terdapat pada riba adalah merupakan ganjaran yang dikehendaki di atas bayaran hutang yang bertangguh. Manakala pertambahan di dalam jual beli dan perniagaan pula adalah merupakan asas yang dilakukan oleh penjual ke atas barang jualannya. Pembeli pula dapat menyegerakan manfaatnya hasil daripada jualan tersebut.
- (2) Keuntungan dalam jual beli adalah merupakan pertukaran di antara dua perkara yang berlawanan tujuan dan kegunaannya seperti duit ditukar dengan makanan. Pertukaran faedah tersebut memberi keuntungan kedua-dua belah pihak.

Manakala hutang pula tidak terjadi pertukaran manfaat pada hakikatnya kerana pengantaraannya dari jenis yang sama iaitu duit diganti dengan duit.

- (3) Tanggungjawab pembeli dan penjual akan berakhir serta merta apabila penyerahan barang dan harga dilakukan. Sebaliknya bagi hutang pula tanggungjawab peminjam kepada pemodal akan berpanjangan selagi wang yang dipinjam tidak diselesaikan bayarannya. Malahan tanggungjawab tersebut bertambah jika peminjam gagal menjelaskan hutangnya.
- (4) Jual beli dan perniagaan terdapat dua implikasi iaitu harga barang yang turun naik mengikut pasaran serta barang-barang jualan yang terdedah kepada kerosakan dan pelbagai masalah semasa di dalam simpanan. Manakala harta pokok terhadap riba tidak akan menghadapi sebarang implikasi. Bahkan sebaliknya ia merupakan hutang yang pasti dibayar dan terjamin pulangannya.

Walaupun dari segi bahasa, untung dan riba memberi pengertian yang sama iaitu tambahan dan lebihan kepada modal atau harta, namun terdapat perbezaan antara kedua-duanya dari segi istilah iaitu:

- (1) Keuntungan lahir daripada sistem muamalah Islam yang dihalalkan manakala riba pula lahir daripada sistem ekonomi yang diharamkan oleh Islam. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الْرِّبَا

Maksudnya:

*"Dan sesungguhnya Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba "*

(Surah al-Baqarah 2:275 )

- (2) Pertambahan dalam keuntungan terhasil daripada perubahan harta dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain. Manakala pertumbuhan dalam riba tidak didasarkan kepada mana-mana usaha tetapi semata-mata bergantung kepada tempoh matang sesuatu hutang atau pertangguhan dalam membayar hutang.
- (3) Pertambahan dalam keuntungan adalah wajar kerana lebihan yang diperolehi merupakan ganjaran ke atas usaha dan penat lelah penjual dalam menyediakan barang kepada pembeli. Sebaliknya pertambahan di dalam riba bercambah dengan sendirinya iaitu ia berkembang hanya kerana peredaran masa. Dengan kata lain semakin lama pertangguhan dalam melunaskan hutang maka semakin banyak lebihan yang akan diperolehi.
- (4) Keuntungan merupakan ganjaran bagi khidmat yang dilakukan, manakala riba merupakan tambahan yang diperolehi tanpa usaha yang tidak ada kaitan dengan ganjaran bagi khidmat yang diberikan.
- (5) Riba merupakan lebihan yang tetap dan pasti serta dapat ditentukan dengan tepat kerana tertakluk kepada masa yang tertentu, manakala keuntungan adalah daripada perniagaan yang tidak pasti dan tidak dapat ditentukan.

- (6) Keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan, walau bagaimana tinggi sekalipun keuntungan yang diperolehi, namun ia terbatas dan hanya diambil sekali sahaja. Manakala urusniaga yang melibatkan riba pula, pembiaya akan menerima keuntungan mereka secara berterusan daripada modal yang mereka pinjamkan dan jumlah keuntungan sentiasa bertambah dengan pertambahan masa. Keuntungan jenis ini tiada batasannya dan kadangkala ia boleh melebihi jumlah pinjaman asal.
- (7) Keuntungan dalam urusniaga adalah atas persetujuan bersama di antara pihak pembeli dan penjual. Pihak pembeli akan mendapat barang yang dibelinya dan pihak penjual pula akan mendapat keuntungan berdasarkan masa, tenaga dan akal yang telah digunakannya bagi menyediakan barang tersebut. Riba pula bukan terhasil daripada jual beli yang saling redha-meredhai. Sebaliknya keuntungan yang diperolehi hasil daripada pihak yang berhutang tidak dapat menjelaskan hutangnya. Ini bermakna pinjaman wang yang mempunyai unsur riba akan menjamin keuntungan kepada pihak peminjam manakala pihak yang berhutang terpaksa menanggung beban hutang yang tinggi.
- (8) Penentuan faedah dibuat semasa akad tanpa berdasarkan kepada keuntungan atau kerugian, manakala penentuan pembahagian untung dibuat semasa akad dengan berdasarkan kepada untung rugi. Di sini tidak wujud keuntungan pasti, sebaliknya kepastian tersebut ditentukan selepas mendapat keuntungan.<sup>42</sup> Dalam kata lain pembahagian untung bergantung sepenuhnya kepada

keuntungan sesuatu projek yang dijalankan. Sekiranya projek itu mengalami kerugian, maka risikonya ditanggung oleh kedua-dua belah pihak.

- (9) Peratus kadar faedah dibuat berdasarkan kepada jumlah wang (modal) yang terlibat sedangkan peratus pembahagian untung adalah berdasarkan kepada jumlah keuntungan yang didapati. Ini bermakna kadar keuntungan akan meningkat mengikut peningkatan jumlah keuntungan yang dicapai, manakala jumlah kadar bunga faedah ini tidak akan meningkat sekalipun pihak bank mendapat keuntungan berlipat kali ganda.<sup>43</sup>

### **3.5. KEUNTUNGAN DI BANK RAKYAT**

Pertukaran operasi Bank Rakyat daripada sistem perbankan konvensional kepada sistem perbankan Islam pada 5 Mei 1993 menyebabkan perjalanan operasinya turut diselaraskan sesuai dengan kehendak hukum muamalah Islam. Pengislaman ini bukan sahaja terhad kepada penawaran produk-produk yang berbentuk tabungan, malahan turut melibatkan produk-produk pembiayaan seperti BBA. Melalui akad BBA seseorang yang berhasrat untuk mengambil kemudahan ini tidak lagi dikatakan seorang yang meminjam tetapi sebaliknya dipanggil orang yang dibiayai. Dalam kata lain hubungan antara bank dan pelanggan bukan lagi antara pemutang dan penghutang tetapi sebaliknya bertukar kepada pembiaya dan orang yang dibiayai.

Walau bagaimanapun kekurangan kefahaman dalam masyarakat hari ini menyebabkan mereka menganggap skim BBA adalah sama dengan skim pinjaman

yang ditawarkan oleh insitusi-institusi perbankan konvensional yang lain. Kekeliruan ini timbul mungkin disebabkan masyarakat sudah biasa dengan sistem perbankan konvensional yang telah bertapak sejak sekian lama dalam masyarakat negara ini berbanding dengan sistem perbankan Islam. Justeru itu apabila Bank Rakyat meletakkan kadar keuntungan yang tinggi berbanding dengan faedah pinjaman, masyarakat menganggap skim yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam adalah sama dengan sistem perbankan konvensional tanpa memikirkan konsep kedua-duanya berbeza sama sekali.

Perlu difahami bahawa dalam Islam pinjaman mempunyai konsep yang berbeza dengan pembiayaan. Ini kerana pinjaman membawa maksud yang terbatas di mana urusniaganya lebih berbentuk kebajikan yang tidak menuntut apa-apa keuntungan daripada peminjamnya.<sup>44</sup> Berbeza dengan pembiayaan, skim ini merupakan urusniaga yang bersifat komersial dan berbentuk perniagaan. Oleh kerana itu segala produk yang diurusniagakan akan mengutamakan keuntungan yang wajar diperolehi hasil daripada transaksi tersebut.<sup>45</sup>

Lanjutan daripada ini, oleh kerana BBA dijalankan di bawah konsep jual beli, maka Bank Rakyat dibenarkan untuk mengambil keuntungan sepertimana jual beli yang lain. Sebaliknya melalui faedah atau interest dalam skim pinjaman konvensional, walaupun pihak bank tetap memperolehi keuntungan, namun hakikatnya ia diharamkan oleh Allah S.W.T. Ini kerana skim pinjaman dijalankan dibawah akad hutang yang melarang penambahan dalam bayaran kembali hutang tersebut. Sekiranya penambahan ini dikenakan juga maka ia akan dianggap sebagai

faerah atau riba. Dalam kata lain pembiayaan BBA yang ditawarkan oleh Bank Rakyat akan melahirkan keuntungan yang dihalalkan, manakala pinjaman pula akan menghasilkan faerah atau riba yang diharamkan oleh Allah S.W.T.

Pengambilan peratusan keuntungan di Bank Rakyat ini ditetapkan oleh ahli Lembaga Pengarah. Walau bagaimanapun ia bukan sahaja bergantung kepada pihak bank semata-mata, tetapi perlu juga melihat kepada tempoh dan keahlian seseorang samada menjadi ahli Bank Rakyat atau tidak. Kadar keuntungan yang dikenakan oleh Bank Rakyat ini akan dibincangkan dalam bab berikutnya.

### **3.6. KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di atas memang terdapat perbezaan di antara konsep hutang, jual beli, keuntungan dan riba. Sekiranya hutang disyaratkan penambahan dalam pembayarannya, maka akad tersebut diharamkan kerana mengandungi riba. Sebaliknya, penambahan harga dalam jual beli tidak dinamakan riba tetapi dipanggil keuntungan. Pengambilan keuntungan ini tidak diharamkan malahan perlu diambil kerana melalui keuntungan hasil daripada perniagaan, membolehkan seseorang peniaga mendapat pulangan lumayan dan memperkembangkan perniagaannya. Berdasarkan inilah maka Bank Rakyat memperkenalkan perbankan Islam yang bebas daripada unsur-unsur riba.

## NOTA HUJUNG

- 1 Ibn Manzūr (1375H/1956M), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār Sādir, jil.9, h.1101; al-Maltāwī (1393h/1973M), *Fiqh al-Mu‘amalat ‘Alā Madhab al-Imām Mālik*, Mesir: al-Majlis al-A‘lā Li al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, h.96.
- 2 al-Dasūqī (t.t.), *Hāsyiah al-Dasūqī ‘Alā Syarḥ al-Kabīr*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī, jil.3, h.222.
- 3 Surah al-Baqarah ayat 282.
- 4 Muslim (1412H/1991M), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Aḥyā al-Tūrath al-‘Arabi, cet.4, jil.3, h.1196.
- 5 al-Bukhārī (1300H/1936M), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī, jil.3, h.383.
- 6 al-Jazīrī (t.t.), *Kitāb al-Fiqh ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, cet.8, juz.2, h. 134.
- 7 *Ibid.*
- 8 al-Dusūqī, *op.cit*, h.2.
- 9 Abū Muḥammad ‘Abd Allah Ibnu Ḥamad (1972), *al-Mughnī*, Beirut: Dār al-Kitab al-‘Arabi, juz. 4, h.45.
- 10 al-Syarbīnī al-Khāṭib (t.t.), *al-Iqna*, Beirut: Dār al-Fikr, juz. 2, h.2.
- 11 al-Ghazālī (1377H/1957M), *Iḥyā’ ‘Ulūm ad-Dīn*, Mesir: Matba‘ah Ḫāṣa al-Bābī al-Halābī, juz.2, h. 64.
- 12 al-Sywakani (t.t.), *Nayl al-Awtār*, Mesir: Maktabah wa Matba‘ah Mustafā al-Bābī al-Halābī wa Awladuhu, jil.4, h.162.
- 13 Mālik Bin Ānas (t.t.), *Mudawwanat al-Kubrā*, Jil. 4, Beirut: Dār Ṣādir, h. 98
- 14 Kamus Dewan (1994), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi ketiga, h.1440.
- 15 Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Māwṣū‘ah al-Fiqhiyyah*, (1991), Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘un al-Islāmiyyah, h.83.
- 16 Siti Rohani Yahaya (1985), *Konsep Asas Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 204.
- 17 Ahmad al-Syarabasi (1981), *al-Mu‘jam al-Iqtisād al-Islāmi*, Beirut: Dār al-Jil, h. 188.
- 18 Ibn Jarīr al-Tabarī, (1980), *Jāmi‘ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur‘ān*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, jil. 1, h. 315-316.

- 19 Ibn. Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, Kaherah: Matba'ah al-Jamaliyyah, jil. 2, h. 215.
- 20 al-Syawkānī, *op.cit.*
- 21 al-Sanī (1989), *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām*, Beirut: Dār al-Fikr, jil.3, h.4.
- 22 Mustafa Haji Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 44.
- 23 Mālik Bin Ānas (t.t.), *op.cit*, h. 107.
- 24 Surtahman Kastin Hasan (1995), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet.2, h. 68.
- 25 Abū al-Wālid Muḥammad B. Aḥmad B. Rusyd (t.t.), *Muqaddimāt*, Baghdad: Maktabah al-Muthannā, h. 502
- 26 Ziaul Haque (1995), *Riba: The Moral Economy of Usury, Interest and Profit*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed, h. 9.
- 27 Azlan Khalili Hj. Shamsuddin (1988), *Banking and Public Finance In Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h.11.
- 28 al-Jazīrī, *op.cit*, jil.2, h.245.
- 29 Ibn Qudāmah (1972), *al-Mughnī*, Mesir: Dār al-Wafā bi al-Mansūrah, jil 4, h.3.
- 30 Surah al-Baqarah ayat 275, 278 dan 279, surah āli Ḥimrān ayat 130 dan al-Nisā ayat 161.
- 31 al-Bukhārī, *op.cit*, jil.2, h.6, al-Baihāqi (1352H), *al-Sunan al-Kubrā*, Beirut: Dār Ṣādir, jil.5, h.275 dan 285.
- 32 Abū Ḥabd Allah B. Muḥammad Ibn Ḥanbal (1978), *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Ḥanbal*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, juz.5, cet.2, h.208.
- 33 al-Māwdūdī (1984), *al-Ribā*, Beirut: Müassasah al-Risālah, h. 86.
- 34 al-Jazīrī, *op.cit*, jil.2, h. 238.
- 35 al-Bukhārī, *op.cit*, jil. 3, h.246.
- 36 Abī Ḫula Muḥammad Ḥabd al-Rahmān (1990), *Tuhfat al-Ahwazi Bi Syarḥ Jāmi` al-Tirmidhi*, Beirut: Dār al-Kitāb al-`Ilmiyah, jil.4, h. 547.
- 37 Mustafa Haji Daud, *Pemikiran Politik dan Ekonomi al-Māwdūdī*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 94.

- 38 Mahsin Hj. Mansor (1983), *Konsep Syariah Dalam Bank Islam*, Kuala Lumpur: BIMB, h. 2.
- 39 al-Māwdūdī (1984), *op.cit*, h. 83.
- 40 Yusuf Abdul Hamid (1990), *Riba Permasalahannya Dalam Konteks Masyarakat Modern Hari ini*, Kuala Lumpur: Pustaka Aman, h. 126.
- 41 *Op.cit*.
- 42 H.M. Amin aziz (t.t.), *Mengembangkan Bank Islam di Indonesia*, Penerbit Bangkit, Jakarta, h. 8.
- 43 Mahsin Hj. Mansor (1983), *op.cit*, h. 3.
- 44 Osman Hj. Sabran (1997), Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba: Kajian Terhadap Sistem Muamalat Islam di Malaysia Masa Kini, Tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h.12.
- 45 *Ibid.*, h.13.